

BBMN serah memorandum kepada PM

17 APR 2001
KUALA LUMPUR 17 April
Barisan Bertindak Mahasiswa
Negara (BBMN) hari ini me-
nyerahkan memorandum ke-
pada Datuk Seri Dr. Mahathir
Mohamad bagi meminta kera-
jaan meneliti beberapa isu
termasuk pemansuhan kos
perkhidmatan empat peratus
pinjaman Perbadanan Tabung
Pendidikan Tinggi Nasional
(PTPTN).

Memorandum bertajuk
"Hasrat Tiga Perkara Maha-
siswa Negara" itu diserahkan
oleh wakil BBMN, Ahmad
Fazli Yusof kepada Perdana
Menteri selepas peramaian
Universiti Islam Antarabang-
sa Malaysia (UIAM) di Gombak, dekat sini.

Ahmad Fazli merupakan
Presiden Majlis Perwakilan
Pelajar (MPP) UIAM.

Bagi Perkara 1 yang men-
gandungi pandangan maha-
siswa mengenai Rangka Ran-
cangan Jangka Panjang 3
(RRJP3), BBMN menyaran-
kan agar aspek pendidikan,
kesihatan, kebajikan sosial
serta perumahan diwujudkan
secara percuma kepada golo-
ngan miskin.

Ini, menurutnya, selaras
dengan keupayaan negara me-
nangani krisis ekonomi serta
sasaran pertumbuhan dalam
RRJP3 sebanyak tujuh pera-
tus setahun memerusi Kelua-
ran Dalam Negara Kasar (KD-
NK).

BBMN juga mahu skim ga-
lakan kecemerlangan meng-
gantikan kos perkhidmatan
PTPTN melalui pengurangan
pembayaran balik, dilaksana-
kan semula.

Pendirian pergerakan itu
dalam Perkara 2 berkaitan
Akta Keselamatan Dalam Ne-
geri (ISA) pula ialah akta itu
perlu dihapuskan.

Bagi Perkara 3 berhubung
Akta Universiti dan Kolej Uni-
versiti (Pindaan) 1975 (AU-
KU), BBMN menuntut supaya
14 seksyen di dalamnya dikaji
semula dan dipinda.